



Seminar Kesedaran Kepenggunaan Anjuran PUSPANITA Kebangsaan Di Kota Kinabalu, Sabah



Tetamu kehormat turut hadir bagi memeriahkan majlis perasmian Seminar.

PUSPANITA Kebangsaan dengan kerjasama PUSPANITA Negeri Sabah dan Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Sabah telah menganjurkan Seminar Kesedaran Kepenggunaan pada 5 April 2002 di Hotel Magellan Sutura Harbour, Kota Kinabalu, Sabah. Seminar yang dihadiri hampir 350 peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA Negeri Sabah telah dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP), YB Wong Kam Hoong. Teks ucapan perasmian telah dibacakan oleh Y. Brs. Tuan Haji Wan Mansoor Wan Omar, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pengguna, KPDN&HEP, Kuala Lumpur. Seminar ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Yang Dipertua PUSPANITA Negeri Sabah, Y. Bhg. Datin Dayang Jamaiah binti Pg. Alli dan Y. Bhg. Datin Azizah binti Abdul Hamid selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Seminar.

Dalam ucapan alu-aluannya, Y. Bhg. Puan Sri Suslita menekankan betapa pentingnya kaum wanita melengkapkan diri masing-masing dengan aspek-aspek ilmu kepenggunaan kerana pendidikan pengguna merupakan satu bentuk perlindungan pengguna yang paling berkesan dan bermutu. Tegasnya tanpa sebuah masyarakat yang tahu akan hak-hak, tanggungjawab dan peranannya sebagai pengguna yang bijak, usaha Kerajaan menggubal berbagai-bagai undang-undang dan akta tidak akan mendatangkan apa-apa faedah. Selain

itu kaum wanita juga merupakan golongan pembeli terbesar untuk keluarga masing-masing dan seharusnya bertindak secara bijak dan tidak mudah terpedaya dengan bermacam-macam bentuk taktik peniaga untuk mengaut keuntungan. Beliau juga menegaskan bahawa kaum wanita mempunyai peranan yang amat besar dalam ekonomi negara kerana kesan perbelanjaan seharian mempunyai impak kepada pertumbuhan dan kemelesetan ekonomi negara.



Para peserta seminar tekun mendengar pembentangan kertas kerja.

YB Setiausaha Parlimen pula dalam ucapan perasmian turut menyentuh tentang kepentingan pendidikan pengguna di dalam menjalani kehidupan seharian. Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna dari semasa ke semasa mengambil berbagai-bagai inisiatif dalam merangka pelan dan strategi untuk menawarkan pendidikan pengguna kepada keseluruhan masyarakat di negara ini. Jelasnya lagi, beberapa kumpulan sasaran telah dikenalpasti untuk didedahkan dengan isu-isu kepenggunaan ini dan Kementerian amat mengalu-alukan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan, Persatuan/Pertubuhan Pengguna, NGO-NGO dan lain-lain bagi membantu Kementerian merealisasikan hasrat dan matlamat untuk memberi pendidikan pengguna yang sempurna kepada seluruh masyarakat di negara ini. Menurutnya lagi, program

SIDANG PENGARANG**Penasihat**

Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji. Mohd. Yassin
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Penolong Penasihat

Y. B. Dato' S. Subramaniam
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Y. Bhg. Dato Dr. Sulaiman B. Mahbob
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Ketua Pengarang

Haji Wan Mansor bin Wan Omar
Pengarah
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Pengarang

Normah Sheikh Abdullah
Yap Kon Lim
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Nik Suzana Nik Shapik
Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Penolong Pengarang

Anyi Ngau
Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali
Penolong Pegawai Penerbitan,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Publisiti Dan Hal Ehwal Korporat

James Tho
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,
Buletin Perlindungan Pengguna

Sumithra
Noor Amilia
Habeebah Sideeka
Aishah Abd. Rahman
Chwa Ah Chuan
Norman Tee
Pegawai-pegawai Kordinator dan Perhubungan Buletin

Alamat :

Buletin Perlindungan Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
Tel : 03-2260 1806
No. Faks : 03-2260 1807 • 2274 7628
E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Buletin Perlindungan Pengguna

merupakan projek usahasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan diterbitkan secara bulanan. Rencana-rencana yang diterbitkan dalam buletin ini adalah pandangan peribadi penulis dan tidak semestinya menggambarkan pendirian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

iklan yang terkandung bukanlah sebahagian dari terbitan buletin ini.

ISSN 1511-6581



9 775111 658104

Suara Pengarang



Saban hari, isu penindasan pengguna terpapar dalam akhbar yang menunjukkan bahawa betapa pengguna hari ini sering terdedah kepada penyelewengan dan penipuan. Hal ini berlaku kerana majoriti pengguna dalam masyarakat kita kurang faham tentang sistem pasaran masa kini yang begitu kompleks serta kurangnya pendedahan terhadap maklumat-maklumat kepenggunaan yang penting, hingga menyebabkan pengguna gagal untuk membuat pilihan yang bijak, bernas dan bebas terhadap barangan atau perkhidmatan yang diperlukan.

Justeru, pendidikan kepenggunaan adalah penyelesaian terbaik kepada masalah yang dihadapi oleh pengguna ini. Pendidikan kepenggunaan ini akan menjamin pengguna agar dapat memanfaatkan dan membelanjakan wang yang diperoleh itu dengan baik dan sewajarnya tanpa perlu terlibat dengan kes-kes penipuan seperti skim cepat kaya, penyelewengan harga dan penipuan dari segi pengambilan bahan makanan untuk kesihatan.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan pengguna agar dapat menjadi pengguna yang bijak dan prihatin, Kementerian dari semasa ke semasa mengambil inisiatif dalam merangka pelan dan strategi untuk menawarkan pendidikan pengguna kepada keseluruhan masyarakat negara ini. Kumpulan-kumpulan sasaran telah dikenalpasti seperti golongan wanita, belia dan pelajar-pelajar sekolah untuk didedahkan kepada isu-isu kepenggunaan semasa, melalui pelaksanaan program pendidikan pengguna dan kesedaran pengguna dengan kerjasama pihak-pihak yang terbabit seperti PUSPANITA, NGO, persatuan pengguna dan agensi-agensi Kerajaan.

- Pengarang

Program *Smart Partnership* Dengan Jabatan Penerangan Malaysia

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) akan melaksanakan program "smart partnership" dengan Jabatan Penerangan Malaysia dalam usaha menyebarkan maklumat kepenggunaan dengan lebih menyeluruh mulai bulan April ini.

Kerjasama dari Pejabat-Pejabat Penerangan Daerah di seluruh negara akan diperolehi untuk mengaturkan majlis-majlis penerangan tersebut. Pemimpin-pemimpin dari berbagai golongan masyarakat akan dijemput untuk diberikan maklumat kepenggunaan. Pegawai-Pegawai dari Bahagian Hal Ehwal Pengguna dan Bahagian Penguatkuasa KPDN & HEP akan memberikan ceramah berkaitan dengan Hak-Hak Pengguna dan Undang-Undang Perlindungan Pengguna.



Para peserta yang menyertai program "Smart Partnership" sedang mendengar ceramah kepenggunaan.

Adalah menjadi harapan Kementerian ini; pemimpin-pemimpin masyarakat yang telah diberikan maklumat-maklumat kepenggunaan melalui ceramah di majlis-majlis itu kelak akan dapat pula membantu menyebarkan secara meluas kepada masyarakat pengguna di seluruh

bersambung di mukasurat 4

sambungan dari mukasurat 1

kerjasama ini menjurus kepada kerjasama yang berterusan di antara Kementerian dan agensi-agensi yang telah dikenalpasti dalam aspek-aspek penganjuran program seperti jemputan para peserta, logistik, pembentangan kertas kerja, keurusetiaan, kos perbelanjaan dan lain-lain.

YB Setiausaha Parlimen ternyata amat mengalu-alukan komitmen dan usaha pihak PUSPANITA Kebangsaan dan PUSPANITA Negeri Sabah dalam menganjurkan Seminar Kesedaran Kepenggunaan dan amat berbangga dengan sambutan yang begitu menggalakkan daripada para peserta. Beliau seterusnya menyeru para peserta agar menimba seberapa banyak ilmu pengetahuan yang boleh daripada kertas-kertas kerja yang dibentangkan. Beliau juga amat berpuas hati dengan perancangan program pada Seminar ini yang meliputi pembentangan empat kertas kerja bertajuk "Wanita dan Pengguna", "Skim Cepat Kaya", "Akta Perlindungan Pengguna 1999 dan Tribunal Tuntutan Pengguna", dan "Wanita dan Kesihatan" yang telah disampaikan oleh penceramah-penceramah dari PUSPANITA, KPDN&HEP dan Kementerian Kesihatan Sabah. Pembentangan kertas kerja-kertas kerja ini diikuti pula dengan satu sesi dialog yang memberi peluang kepada para peserta untuk mengemukakan sebarang pertanyaan atau kemusykilan kepada para penceramah. Sambutan baik yang diberikan ketika sesi dialog ini menunjukkan bahawa para peserta bukan sahaja amat berminat untuk mendalami hal ehwal kepenggunaan tetapi juga telah sedikit sebanyak memahami isi kandungan kertas kerja yang telah dibentangkan sebelumnya.

Daripada sambutan menggalakkan pada seminar ini ternyata seminar ini telah berjaya mencapai objektif-objektif yang disasarkan termasuklah memberi kesedaran mengenai hak dan tanggungjawab pengguna, memberi penerangan dan kefahaman mengenai Akta Perlindungan Pengguna 1999,

memberi pengenalan mengenai Tribunal Tuntutan Pengguna dan Skim Cepat Kaya serta pendedahan tentang amalan kesihatan yang baik untuk wanita dan adalah diharapkan para peserta akan lebih peka dan prihatin dengan isu-isu kepenggunaan yang sering berbangkit dari semasa ke semasa serta memanfaatkan segala pengetahuan yang diperolehi untuk kesejahteraan hidup sekeluarga.

Seminar Kesedaran Kepenggunaan ini diakhiri dengan satu majlis penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Puan Sri Suslita binti Abdul Majid. Rata-rata peserta yang ditemui amat berpuas hati dengan penganjuran Seminar ini dan berharap agar usaha murni untuk menganjurkan seminar-seminar seumpamanya akan berterusan di masa-masa akan datang.



Y. Bhg. YDP PUSPANITA Kebangsaan menyampaikan cenderahati penghargaan kepada pihak Kementerian.

Sikap Peruncit Mengecewakan Pengguna

Baru-baru ini kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) telah mengumumkan harga runcit bagi sekilogram gula putih diturunkan sebanyak lima sen kepada RM1.40 berbanding RM1.45 sebelum ini.

Pengumuman KPDN&HEP itu sebenarnya tidak mendatangkan kesan yang memberangsangkan kepada suri rumah kerana mereka adalah pengguna gula yang terendah. Berbanding dengan para penjaja dan pengusaha restoran misalnya, penurunan harga tersebut sedikit sebanyak dapat mengurangkan pengeluaran ringgit dalam urusan perbelanjaan perniagaan mereka.

Namun begitu, bukan jumlah gula yang ingin diperkatakan. Suatu perkara yang ingin dipertikaikan ialah, sikap peruncit yang begitu lambat dan sengaja melengah-lengahkan untuk menurunkan harga gula.

Di Kelantan, sejak Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan penurunan harga gula serta-merta dan sah sehingga diberitahu kelak sejak 7 Mac

yang lalu, sikap peruncit sememangnya amat dikesali. Sehingga kini, kebanyakan peruncit masih lagi tidak menurunkan harga barangan tersebut.

Jika sebelum ini harga gula masih dijual dengan harga RM1.50 sekilogram, namun semenjak arahan supaya harga barangan berkenaan diturunkan peruncit masih mengekalkan dengan harga yang lama iaitu RM1.50.

Gula dikategorikan sebagai barangan kawalan kerana menurut undang-undang Akta Kawalan Harga 1946, adalah melakukan kesalahan sekiranya barangan yang tersenarai dalam akta berkenaan dinaikkan dengan sewenang-wenangnya kecuali mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan.

Sikap peruncit berkenaan bukan perkara baru berhubung dengan harga barangan kawalan. Bagi mereka membayangkan bahawa barangan kawalan atau tidak adalah sama kerana seolah-olah bebas untuk menentukan harga mereka sendiri kerana mereka menganggap peniaga yang patut menentukan harga.

Ini kerana, apabila kerajaan mengumumkan tentang kenaikan harga barangan, maka dari awal lagi harga barangan berkenaan telah dinaikkan walaupun belum lagi sampai masa yang

dinyatakan. Hal ini sememangnya tidak adil dan amat menyusahkan pengguna. Maka antara mahu atau tidak, pengguna terpaksa mendapatkan bekalan tersebut walaupun dengan harga yang tidak dipersetujui mereka.

Begitu halnya dengan persoalan penurunan harga gula. Sepatutnya pihak peruncit malahan pembekal sendiri tidak berhak untuk menaikkan atau masih mengekalkan pada harga yang lama. Ini kerana, tindakan kerajaan dengan menurunkan harga berkenaan berasaskan kepada berlakunya kesan daripada penurunan harga gula dunia. Penurunan demikian mempunyai alasan yang kukuh setelah dibuat kajian bahawa adalah wajar harga gula diturunkan untuk tidak membebankan pengguna dan penurunan harga berkenaan hanyalah dalam jumlah yang kecil.

Pihak kerajaan perlu sentiasa memberikan perhatian dalam soal kenaikan harga gula supaya tidak diambil kesempatan oleh peniaga yang sengaja untuk menaikkannya sesuka hati. Jika sebelum ini harga gula hanya dalam sen sahaja sekilogram, kemudian ia telah meningkat dalam bentuk ringgit dan jika tiada kawalan yang sepatutnya pengguna akan menanggung bebannya akibat kenaikan yang terlalu kerap.

Oleh: Azmi bin Mohd Salleh,
Persatuan Pengguna-Pengguna Kelantan

sambungan dari mukasurat 3

negara. Dengan berbekalkan maklumat yang diberikan pengguna-pengguna akan lebih bijak bertindak menangani isu-isu kepenggunaan yang timbul dari masa ke masa;

**Penakek si pisau raut,
Ambil gahat batang ditabung,
Seludang jadikan nyiru;
Yang setitik dijadikan laut,
Yang segenggam dijadikan gunung,
Alam terbentang jadikan guru.**

Unit Pentarama Jabatan Penerangan Malaysia juga akan turut membantu menyalurkan mesej kepenggunaan melalui pertunjukan pentasnya yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat.

Penyampaian mesej melalui pertunjukan pentas seperti tarian, nyanyian dan drama yang dilaksanakan oleh Jabatan Penerangan Malaysia sejak zaman darurat dulu telah terbukti berkesan dan berjaya mendapatkan ramai penonton. Untuk tujuan ini, artis-artis pentarama juga akan dibekalkan maklumat kepenggunaan bagi membolehkan mereka menyalurkan kepada ribuan penonton apabila mereka beraksi kelak.

Kesedaran kepenggunaan hasil dari kempen yang menyeluruh ini dijangka akan menggerakkan pengguna untuk bersatu dan bertindak menangani masalah-masalah kepenggunaan yang berbangkit dengan lebih berkesan lagi. Untuk tujuan ini Kelab-Kelab Pengguna boleh diwujudkan bukan sahaja di sekolah-sekolah bahkan di peringkat JKKK, Persatuan Belia, Sektor Rukun Tetangga, GPW, Wadira dan sebagainya.

Jantung Untuk Kehidupan

Jantung Sihat, Badan Cergas

Senaman

Senaman merupakan otot jantung dan paru-paru untuk memberi tenaga, kecergasan dan daya tahan untuk melakukan kerja harian.



Senaman dan risiko penyakit jantung

Bersenam secara teratur boleh membantu mengurangkan risiko mendapat penyakit jantung koronari dengan:

- Menguatkan otot jantung dan mengurangkan beban pada jantung serta memperbaiki kecekapan paru-paru.
- Membantu mengawal berat badan.
- Menambah tahap lipoprotein berkepadatan tinggi (HDL) iaitu lemak pembawa kolesterol yang baik untuk jantung.
- Mengurangkan tahap lemak dalam darah.
- Meningkatkan bekalan darah dan oksigen pada otot jantung.

Di samping itu, bersenam juga:

- Mengurangkan kepenatan dengan menambah daya tahan jasmani.
- Memperbaiki perawakan, paras rupa dan imej diri.
- Memperbaiki otot-otot badan.
- Mengurangkan ketegangan otot disebabkan tekanan.
- Memperbaiki kecerdasan dan tumpuan mental.

Jenis senaman

Ada dua jenis senaman iaitu:

Senamrobik

Aktiviti jasmani yang meningkatkan keupayaan penggunaan tenaga dan daya tahan fizikal melalui peningkatan bekalan oksigen kepada kulit dan otot. Di antaranya ialah berjalan cepat, jogging, senamrobik, menaiki tangga, berbasikal, badminton, tenis, berenang, bola sepak, melompat dan bola keranjang.

Senaman kalestenik

Aktiviti yang boleh memperbaiki kelenturan sendi dan ton otot. Di antaranya ialah regangan dan tai-chi.

Bagaimana untuk bersenam?

Apabila bersenam sila ingat perkara-perkara berikut:

Sesi senaman

- Mulakan dengan 5 minit senaman kalestenik untuk memanaskan badan.
- Lakukan senamrobik selama 15 - 20 minit.
- Setelah selesai, sejukkan badan dengan senaman kalestenik selama 5 minit.

Tahap kekuatan

- Aktiviti mestilah cukup bertenaga untuk menghasilkan pernafasan yang kuat dan berpeluh tetapi bukan termengah-mengah.
- Tingkatkan denyutan nadi hingga 120 - 150 seminit. Ini bersesuaian dengan 60% - 80% kadar maksima jantung anda. Untuk mengukur kadar maksima jantung anda, tolak umur anda dari 220.
Contohnya, 220 - 30 = 190 denyutan seminit

Kekerapan

- Bersenam sekurang-kurangnya 3 kali seminggu dengan selang masa yang seragam.

Kenalpasti tahap kecergasan anda sebelum memilih jenis senaman

Jika anda mempunyai dua atau lebih faktor-faktor risiko berikut, anda harus mendapatkan nasihat doktor sebelum memulakan program senaman:

- Lelaki melebihi umur 40 tahun
- Merokok
- Menghidap penyakit tekanan darah tinggi
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap penyakit jantung

Memilih jenis senaman

Lain orang mempunyai bentuk badan dan kegemaran yang berbeza. Adalah penting anda memilih aktiviti yang anda minati dan boleh diamalkan dalam kehidupan harian anda.



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Karnival Membeli-Belah

Mungkin ada di antara kita yang bertanya apakah matlamat sebenar kerajaan apabila melancarkan Karnival Membeli-belah di Seluruh Negara setiap 3 kali dalam setahun. Adakah matlamat itu tercapai dan siapakah yang mendapat faedah daripada karnival yang dianjurkan oleh Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia tersebut.



Sebenarnya matlamat kerajaan terhadap penganjuran karnival membeli-belah itu ialah menarik pelancong asing dan rakyat tempatan untuk berbelanja di Malaysia. Selain daripada pertukaran wang asing, kerajaan juga mengharapkan perkembangan ekonomi Malaysia bertambah baik. Karnival ini diadakan setiap 4 bulan iaitu pada bulan Mac, Ogos dan Disember. Ini juga membantu pengguna berbelanja secara bijak iaitu musim jualan murah. Namun apa yang dipersoalkan apakah matlamat kerajaan itu tercapai?

Masyarakat Malaysia terkenal dengan sikap suka berbelanja. Jadi, wajarlah musim karnival merupakan peluang keemasan untuk berbelanja. Para peniaga pula mengambil peluang mengadakan jualan murah dengan potongan harga dari 10 - 50%. Manakala pengguna menghabiskan wang untuk mendapat barangan dengan harga yang lebih rendah.

Namun demikian pengguna mulai berfikir, apakah harga yang diberi potongan itu adalah harga asal? Ini kerana jualan murah diadakan terlalu kerap dan potongan harga sehingga



50%. Tidakkah tindakan ini akan mengganggu pendapatan dan keuntungan peniaga itu sendiri? Atau peniaga akan menaikkan harga sebelum memberi potongan yang hanya sekadar gimik kepada pengguna?

Sebagaimana yang dilaporkan oleh sebuah stesen televisyen tempatan, karnival membeli-belah semakin kurang mendapat sambutan dari pengguna. Menurut beberapa orang responden yang ditemui, mereka

Tips Tingkatkan Kualiti Diri

- ▲ Mengenali diri sendiri dengan membuat satu senarai yang mencatatkan segala kelebihan yang anda ada.
- ▲ Sentiasa menghargai diri anda; jangan bandingkan diri anda dengan orang-orang lain. "Aku Adalah Unik".
- ▲ Belajar untuk mencintai dan menerima kelemahan diri tetapi fikirkan cara yang terbaik untuk memperbaikinya. William Feathers mengatakan "tidak ada wanita yang hodoh, yang ada cuma wanita yang tidak tahu bagaimana hendak kelihatan cantik."
- ▲ Bergaul dengan mereka yang tahu menghargai diri anda dan mereka yang sentiasa mahu mengingatkan kejayaan yang pernah anda capai.
- ▲ Buat satu keputusan yang tegas untuk berubah kepada keadaan yang lebih baik. Terima 100% tanggungjawab terhadap kehidupan dan kerjaya anda. Lihatlah masalah dan halangan sebagai cabaran.
- ▲ Miliki dan tunjukkan sikap positif yang "saya boleh". Tukarkan pemikiran negatif kepada pemikiran positif dengan mengenali serta ketepikan perasaan negatif mengenai diri anda.
- ▲ Bangun tidur dengan perasaan bersyukur dan gembira, mulakan hari baru dengan perasaan yang ceria dan berlatih bercakap perkara positif terhadap diri anda.
- ▲ Bina matlamat jangka panjang dan jangka pendek yang jelas. Matlamat hendaklah spesifik, boleh diukur dan boleh dicapai selaras dengan tujuan hidup seseorang dan yang penting matlamat mesti diikat dengan masa.
- ▲ Sentiasa mengikuti perkembangan matlamat anda dan kuatkan semangat mematuminya. William Feather mengatakan "ternyata kejayaan dicapai disebabkan kegigihan dan kesungguhan untuk terus mencapainya".
- ▲ Atasi ketakutan anda dengan melakukan perkara yang anda takutkan itu.
- ▲ Jangan bimbang mengenai perkara yang di luar kekuasaan anda. Berserah dan bertawakal kepadaNya serta berdoa agar Dia memberi yang terbaik untuk kita.
- ▲ Belajar daripada kesilapan dan kegagalan lepas; berikan tumpuan pada masa hadapan, sebenarnya kegagalan punca kejayaan yang lebih cemerlang. Cuba dan cubalah lagi sehingga berjaya. Sama ada berjaya atau sebaliknya ia bukan menjadi milik kita untuk selama-lamanya.
- ▲ Pelihara kesihatan anda melalui pemakanan yang betul, senaman dan rehat yang cukup. Ingatlah bahawa kekayaan yang utama adalah kesihatan yang sempurna.
- ▲ Terima kritikan yang membina kerana tanpanya kita telah berhenti daripada belajar dan memperbaiki diri.
- ▲ Bina nilai-nilai hidup yang bermakna (*meaningful values/philosophy of life*) agar ia dapat membentuk nilai-nilai murni dalam menjalani kehidupan ini.
- ▲ Peka terhadap persekitaran dengan memberi pertolongan atau perkhidmatan kepada orang lain agar, diri merasa puas apabila kita menolong orang lain.
- ▲ Uruskan diri anda daripada sekecil sehinggalah sebesar perkara, buktikan satu persatu bahawa anda mampu melaksanakannya. Hasil kejayaan yang kecil adalah asas kepada kejayaan yang lebih gemilang.

"Semoga impian menjadi kenyataan..."

berpendapat karnival kali ini dilancarkan terlalu hampir dengan Jualan Penghabisan Stok, Jualan Aidilfitri dan Jualan Kembali Ke Sekolah yang diadakan pada Disember. Jadi, ramai pengguna telah berbelanja habis-habisan pada ketiga-tiga jualan tersebut tidak lagi memberi sokongan dan berbelanja pada karnival kali ini.

Sewajarnya kerajaan menilai semula matlamat dan pencapaian karnival membeli-belah serta haruskah ianya diteruskan atau sebaliknya. Ini adalah penting bagi memastikan apa juga yang kerajaan rancang untuk rakyatnya adalah sesuatu yang berfaedah dan berkesan. Seharusnya tidak berlaku pembaziran dalam belanjawan kerajaan, malahan belanjawan yang kurang penting juga harus dikemudiankan. Ini memberi peluang kepada projek-projek yang lebih penting dan amat diperlukan dapat disempurnakan dalam jangka masa yang ditetapkan.

Memandangkan kerajaan adalah pilihan rakyat, secara tidak langsung rakyat mengharapkan sesuatu yang bermanfaat untuk kedua

belah pihak. Sememangnya ini tugas dan tanggungjawab bersama rakyat dan kerajaan dalam apa jua yang dilakukan oleh kerajaan dan apa yang diterima oleh rakyat adalah sesuatu yang bernilai.



Warga Tua Dan Kepenggunaan Harus Sinonim

“Barang ini semuanya berharga RM30,” kata seorang peniaga kepada seorang tua yang membeli di kedai runcitnya (padahal barangan itu cuma berharga RM25). Warga tua itu terus membayar tanpa memastikan berapakah harga bagi setiap barang yang dibeli. Dengan memberitahu peniaga apa yang hendak dibeli dan peniaga pula terus mengambil dan membungkus barangan yang dikehendaki, warga tua itu terus berlalu selepas membayar jumlah wang yang dinyatakan.

Jika dikaji semula kes di atas yang kerap kita lihat berlaku di kedai-kedai runcit, kita pastinya tertanya-tanya apakah yang menyebabkan berlakunya senario sedemikian rupa. Pastinya penyebab utama adalah sikap peniaga yang tidak jujur dalam menjalankan urusaniaga. Namun, masalah ini timbul adalah juga disebabkan oleh faktor-faktor kelemahan yang ada pada diri warga tua yang menyebabkan mereka menjadi mangsa peniaga tidak bertanggungjawab.

Antara kelemahan-kelemahan warga tua yang dikenalpasti menjadi punca penipuan mudah berlaku ke atas mereka ialah tidak tahu membaca. Kelemahan ini menyebabkan warga tua kurang pengetahuan tentang kepenggunaan dan tentang perkembangan harga barangan. Dengan kelemahan ini, mereka lebih mudah ditipu oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Tambah buruk lagi, ada yang tidak kenal nombor. Mereka tidak tahu mengira wang dan jumlah wang baki dipulangkan peniaga dan skala timbang yang digunakan peniaga. Keadaan ini menyebabkan mereka ditipu bukan sahaja dari segi jumlah wang tetapi juga dari segi timbangan.

Sebab lain ialah ada sebilangan warga tua yang berasa takut dengan peniaga. Kerana kurangnya maklumat kepenggunaan yang sampai kepada mereka, maka mereka tidak tahu bahawa pengguna adalah raja dalam hakikat kepenggunaan yang sebenar. Ramai antara mereka yang berasa takut dengan peniaga secara membuta-tuli dan selalu mengiyakan sahaja tindakan dan cakap peniaga kepada mereka.

Memandangkan warga tua adalah warga yang perlu disayangi dan dihormati, kita sebagai generasi muda haruslah berusaha membantu golongan ini. Bagi warga tua yang tidak kenal nombor, adalah wajar mereka membawa bersama anak atau cucu ketika membeli-belah. Dengan ini mereka dapat membantu golongan warga tua ketika menjalankan urusaniaga. Jika warga tua itu tinggal berseorangan, bawalah jiran atau teman yang boleh dipercayai. Ini penting kerana jika orang yang dibawa bersama tidak boleh dipercayai, maka tindakan membawa mereka adalah sia-sia atau ibarat ‘pagar makan padi’. Perkara ini haruslah cuba dielakkan oleh warga tua dengan bertindak lebih bijak dan berhati-hati.

Selain itu, warga tua juga digalakkan agar meluangkan masa menonton tv atau mendengar radio selalu. Ini penting

kerana hanya melalui saluran ini mereka boleh mendapat maklumat penting tanpa perlu membaca. Dengan ini, mereka dapat mengurangkan risiko ditipu jika berhadapan dengan peniaga yang tidak bertanggungjawab.

Bagi warga tua yang boleh membaca, mereka bolehlah membaca akhbar dan risalah-risalah yang berkaitan kepenggunaan untuk mendapatkan lebih banyak ilmu kepenggunaan. Dengan adanya ilmu ini, maka mereka tidak perlulah terlalu bergantung dengan orang lain ketika membeli-belah. Dalam hal ini, mereka perlu mempunyai inisiatif sendiri untuk mencungkil maklumat dan berusaha mendapatkan seberapa banyak fakta penting berkaitan kepenggunaan.

Kesimpulannya, untuk mengatasi masalah ini, warga tua sendiri perlu ada inisiatif untuk mengelakkan diri dari tertipu. Generasi muda juga haruslah membantu dan menyokong golongan ini supaya mereka tidak terkapai-kapai. Bagi golongan peniaga pula, adalah diharapkan mereka lebih menanam sikap beramanah dan bertanggungjawab dalam mencari rezeki. Janganlah mengambil kesempatan di atas kekurangan golongan tua. Seharusnya mereka sedar bahawa hari tua itu mengejar semua orang tidak terkecuali diri mereka sendiri suatu hari nanti.

*Oleh: Siti Suriani Hj Othman,
Rembau, Negeri Sembilan*

Menangani Isu Cetak Rompak

Isu cetak rompak bukanlah perkara baru dalam industri hiburan masa kini. Malah isu ini sudah diperkatakan sejak dahulu lagi. Pelbagai usaha gerak gempur telah dilakukan untuk membanteras dan menangani masalah kegiatan cetak rompak ini oleh pihak-pihak yang terbabit dalam industri ini, iaitu golongan artis dan karyawan seni. Ini termasuklah usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan.

Bagaimanapun, hingga kini, kegiatan cetak rompak masih belum dapat diatasi sepenuhnya. Malah kalau dibandingkan dengan zaman dahulu, ekoran daripada perkembangan dan penggunaan teknologi yang semakin canggih dalam proses pengeluaran bahan-bahan cetak rompak ini, kegiatan cetak rompak masa kini semakin berleluasa dan sukar dibendung.

Semakin ramai pihak pengusaha yang dikenali sebagai "lanun cetak rompak" terlibat dalam kegiatan pengeluaran dan penjualan bahan-bahan cetak rompak, seperti cakera padat (CD) album artis tempatan dan luar negeri, cakera padat video (VCD) dan perisian-perisian program komputer. Kini penjualan bahan-bahan cetak rompak ini boleh dilihat di mana-mana, terutamanya di pasar-pasar malam dan di kaki-kaki lima kedai.

Aktiviti penjualan bahan cetak rompak ini merupakan suatu jenis perniagaan yang sangat menguntungkan bagi peniaga-peniaganya. Ini memandangkan permintaan daripada pengguna terhadap bahan cetak rompak ini sangat menggalakkan.

Jadi persoalannya ialah, mengapa ramai pengguna yang membeli bahan-bahan cetak rompak ini? Walaupun pengguna sedar bahawa kualiti bahan cetak rompak adalah rendah dan perbuatan mereka itu telah menggalakkan lagi kegiatan cetak rompak untuk semakin berleluasa. Perbuatan pengguna ini juga telah menyebabkan pengusaha dan pengeluar bahan-bahan yang asli mengalami kerugian dan kehilangan pendapatan disebabkan telah dicuri oleh lanun-lanun cetak rompak ini.

Alasan utama yang pengguna berikan apabila persoalan ini diajukan kepada mereka adalah disebabkan harga bahan cetak rompak ini lebih murah daripada harga bahan-bahan yang asli atau tulen. Oleh itu ramai pengguna yang terdorong untuk membeli CD dan VCD cetak rompak. Harga CD dan VCD tulen sangat jauh bezanya dengan yang cetak rompak. CD album artis tempatan dan luar negeri yang asli biasanya



dijual pada harga RM39.90 hingga RM45.00 seunit, sedangkan CD cetak rompak dijual pada harga RM5.00 sahaja. Sementara harga VCD tulen pula dijual pada harga RM19.90 seunit berbanding cetak rompak RM3.00 hingga RM5.00 seunit. Perbezaan ketara ini menyebabkan orang ramai cenderung membeli yang cetak rompak.

Pengguna berpendapat adalah rugi untuk membelanjakan wang yang banyak dengan membeli CD dan VCD tulen, sedangkan mereka dapat menikmati CD dan VCD cetak rompak dengan jumlah wang yang sedikit. Pengguna memberi alasan bahawa mereka dapat menjimatkan wang perbelanjaan mereka dan ini memberi peluang kepada mereka untuk membelanjakan wang itu untuk keperluan-keperluan yang lain.

Justeru itu, bagaimanakah caranya supaya kegiatan cetak rompak ini dapat dibendung dan dibanteras bagi mengelakkan ianya daripada terus berleluasa dan merugikan industri hiburan di negara ini.

Ramai pihak terutamanya pengguna menyarankan agar harga CD dan VCD tulen diturunkan. Memandangkan perbezaan harga yang begitu ketara, maka penurunan harga ini akan dapat menggalakkan pengguna membeli produk yang tulen. Syarikat rakaman dan pengeluar disarankan supaya menjual CD dan VCD tulen ini pada harga yang lebih murah tetapi dengan jumlah yang banyak agar mampu memperoleh keuntungan.

bersambung di mukasurat 12

Pengguna Dan Pengawet Makanan

Apabila memilih makanan, biasanya pengguna akan mengutamakan rasanya yang enak dan pandangan yang menyelerakan hingga ada yang menyebabkan air liur meleleh. Jarang sekali meneliti sepenuhnya maklumat yang terdapat pada label barangan yang akan dibeli. Kandungan zat dalam makanan, bahan yang digunakan dan kesan sampingan hanya akan diambil kira oleh pengguna-pengguna yang mengetahui dan prihatin terhadap hak-hak mereka.

Adakah kita telah berusaha untuk mendapatkan bahan makanan segar sebelum memilih bahan makanan yang diproses. Jika kita terpaksa menggunakan bahan makanan yang diproses dan diawet, adakah kita telah memastikan pengawet makanan yang digunakan dalam sukatan yang dibenarkan oleh pihak berkuasa. Sudahkah kita meneliti tarikh luput makanan dan adakah kita mengamalkan cara yang betul menyimpan makanan.

Di pihak pengeluar bahan makanan, mereka akan terus berusaha untuk memenuhi cita rasa pengguna. Bahan-bahan yang berupaya menjadikan makanan lebih sedap dimakan dan menyelerakan apabila dipandang serta tahan lebih lama tentunya akan digunakan. Namun penggunaan bahan-bahan awet secara berlebihan pastinya akan mengundang bahaya kepada kesihatan pengguna.

Kita tentunya pernah mendengar penggunaan bahan-bahan pengawet seperti asid benzoik serta nitrat dan nitrit dalam pembuatan makanan yang bertujuan untuk mencegah pertumbuhan bakteria, kulat dan ragi yang boleh menyebabkan makanan menjadi basi dan berbau busuk.

Lumrahnya asid benzoik disediakan secara sentetik walaupun boleh didapati secara semula jadi. Ianya berupaya bertindak sebagai ejen antibakteria dan antikulat. Pengawet seperti ini biasanya digunakan dalam soso cili, sos tomato, jem dan sebagainya untuk membolehkan tahan lama.

Bahan ini juga terdapat dalam berbagai bentuk seperti natrium

benzoat, kalium benzoat, kalsium benzoat atau dalam bentuk benzoat yang lain seperti haidroksibenzoat. Minuman ringan, kicap, sos daging panggang dan majerin merupakan sebahagian makanan yang menggunakan garam natrium benzoat sebagai pengawet.

Bahan-bahan awet yang dinyatakan tadi boleh menjejaskan kesihatan pengguna jika digunakan secara berlebihan terutama kepada mereka yang alah kepada ubat aspirin kerana struktur kimianya adalah berkaitan.

Selain dari itu bahan ini akan memburukkan lagi keadaan kepada pengidap penyakit lelah dan pesakit ruam kulit. Asid benzoik yang digunakan secara berlebihan juga boleh mengakibatkan kerengsaan perut bahkan terdapat laporan menyatakan bahawa sistem saraf juga boleh turut terjejas.

Satu lagi jenis pengawet yang selalunya digunakan dalam hasilan makanan yang diperbuat daripada daging dengan tujuan untuk mencegah pertumbuhan mikroorganisma seperti bakteria ialah dari kumpulan nitrat dan nitrit ataupun bentuk garamnya iaitu kalsium dan natrium.

Pengawet nitrit boleh membawa kesan kepada tubuh pengguna seperti rasa mual, muntah-muntah, pening kepala dan tekanan darah rendah.

Sementara pengawet nitrat pula boleh membawa kesakitan dalam bahagian perut disertai dengan muntah-muntah, lemah anggota badan dan denyutan nadi yang tidak menentu.

Berhati-hatilah apabila memilih makanan. Pastikan ianya selamat digunakan. Jangan mudah terpedaya dengan pandangan yang menarik dan menyelerakan. Ketahuilah apa yang anda makan dan minum!

Pantun Pengguna

Pohon angsa pohon cempaka,

Gugur bunganya ditiup angin,

Demi Pengguna Kita berusaha,

Sumpah Setia dari Pemimpin.

Sayang pulasan merah buahnya,

Manis dirasa bagaikan gula,

Perjuangan berterusan tanpa hentinya,

Nasib pengguna sentiasa dibela.

Hendak ke mana membawa hati,

Apalah dirajuk masa bencana,

Hak-hak pengguna jangan dinafi,

Kelak buruk akan padahnya.

Mengail tenggiri di Tanjung Batu,

Anak nelayan mencari lokan,

Pengguna sendiri wajarlah bersatu,

Barulah perjuangan kita berkesan.

Saudagar Cina belayar ke Arab,

Barang dagangan bermuat sarat,

Setiap Pengguna bertanggungjawab,

Kepada Alam dan manusia sejagat.

Sumbangan:

Hafizah Nabila

SKDDH Bukit Katil, Melaka.

Pengguna bersama Ariff



e-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Penggunaan telefon bimbit di kalangan pengguna pada masa ini tidak asing lagi. Kalau dilihat di mana-mana, hampir setiap orang memiliki sebuah telefon bimbit, tanpa mengira usia, pangkat dan tahap kemampuan seseorang. Telefon bimbit kini boleh dianggap sebagai suatu barang keperluan yang mesti dimiliki. Berbanding pada suatu ketika dulu, telefon bimbit dianggap sebagai barang mewah yang hanya mampu dimiliki oleh golongan yang berada dan berkemampuan sahaja. Terdapat pelbagai jenis jenama dan rekabentuk telefon bimbit sekarang yang menawarkan pelbagai tingkat harga tertentu, dengan perubahan teknologinya yang semakin kompleks hampir setiap masa.

Justeru itu, setiap pengguna telefon bimbit perlulah mengetahui bagaimana menjaga telefon bimbitnya agar sentiasa berfungsi dengan baik, terutamanya menjaga baterinya. Walaupun kelihatan mudah, menjaga bateri telefon bimbit adalah sangat penting. Sekiranya bateri telefon bimbit anda yang masih baru tiba-tiba rosak pasti ianya mengganggu anda terutama untuk berhubung dengan

Panduan Menjaga Bateri Telefon Bimbit

pelanggan atau teman-teman. Bayangkanlah, ketika anda sedang asyik berbual perkara-perkara penting, talian telefon anda tiba-tiba terputus kerana kehabisan bateri.

Bagi memastikan bateri telefon bimbit anda sentiasa berada dalam keadaan baik, anda perlulah mengenal jenis bateri telefon bimbit yang anda gunakan. Perhatikan adakah telefon anda menggunakan bateri jenis "lithium" atau NiCad (atau NiMH). Perbezaan kedua-dua jenis bateri-bateri ini begitu ketara.

Jenis "lithium" boleh dicas tanpa menunggu kuasanya mulai lemah atau habis. Jika bateri telefon anda "nickel" (NiCad atau NiMH), anda memerlukan perhatian khusus. Puncanya, bateri jenis "nickel" harus menunggu kuasanya benar-benar habis (sehingga tidak boleh digunakan lagi untuk menghidupkan telefon bimbit anda) sebelum anda mengecaskannya semula. Lakukannya dengan berdisiplin setiap kali anda ingin mengisi dan memasang bateri berkenaan. Hal ini untuk mencegah kesan terhadap memori dan daya simpanan bateri berkenaan.

Setelah mengetahui jenis bateri telefon bimbit anda, ada beberapa perkara lain yang boleh dilakukan untuk menjaga bateri supaya tidak cepat habis, antaranya;

Pertama, jangan meletakkan telefon bimbit anda di atas barangan elektronik (seperti televisyen, audio set dan peti sejuk) kerana medan magnet yang keluar

dari alat elektronik berkenaan boleh mengganggu sistem kerja komponen telefon bimbit anda.

Kedua, jangan selalu mematikan dan menghidupkan telefon bimbit anda kalau tidak terlalu penting. Untuk pengetahuan anda, setiap kali menghidupkan telefon bimbit, secara automatik telefon bimbit anda akan mencari jaringan operator masing-masing, yang memerlukan tenaga hampir serupa dengan satu jam tempoh ia dihidupkan. Adalah rugi kalau anda mematikan telefon bimbit anda untuk tempoh lima hingga sepuluh minit, tetapi bateri anda kehilangan kemampuan "stand-by" begitu lama.

Jadi, kalau anda tidak mahu terganggu dengan deringan telefon bimbit anda, contohnya ketika anda sedang mesyuarat atau di panggung wayang, aturlah telefon bimbit anda supaya berada dalam keadaan senyap. Apabila tidak mempunyai kemudahan pengatur bunyi, anda boleh mengurangkan deringannya.

Ketiga, anda perlulah mencabut pengecas bateri apabila bateri telefon bimbit anda sudah penuh. Jika pengecas anda digunakan terus-menerus ialah boleh menyebabkan pengecas dan bateri telefon anda cepat rosak.

Berdasarkan panduan yang tersebut di atas, pengguna boleh menjaga telefon bimbit anda dengan baik dan jangka hayat baterinya dapat dipanjangkan.

sambungan dari mukasurat 9

Penurunan harga ini dapat mendidik pengguna untuk membeli CD dan VCD tulen, memandangkan harga memainkan peranan penting bagi seorang pengguna apabila membuat pilihan. Apabila harga yang ditawarkan mampu dibeli oleh pengguna, maka pengguna akan memilih untuk membeli yang tulen, seterusnya ini akan menyebabkan permintaan terhadap cetak rompak akan berkurang.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak akan mengenakan kawalan harga atau menetapkan harga CD dan VCD, walaupun ada pihak yang menyarankan agar Kerajaan bertindak demikian bagi mengatasi masalah cetak rompak ini. Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sebaliknya syarikat rakaman harus menetapkan harga mengikut sentimen pasaran, bukannya menggunakan alasan kos pengeluaran yang tinggi untuk tidak menurunkan harga. Walaupun syarikat rakaman memberi alasan bahawa mereka terpaksa menanggung kos promosi, pengiklanan, bayaran studio dan royalti artis, namun mereka masih mampu membuat keuntungan apabila harga diturunkan. Biar harga murah tetapi dijual dengan jumlah yang banyak. Kementerian percaya dengan penurunan harga pada jurang yang tidak begitu besar dengan cetak rompak, boleh mengubah aliran dan cita rasa pengguna kepada produk tulen.

Pada keseluruhannya, pengguna membeli barangan berdasarkan kemampuannya. Pengguna lebih memilih



barangan yang menawarkan harga yang mampu ditanggungnya dan yang dapat memberi pulangan ke atas nilai wang yang dibelanjakannya. Sikap berjimat cermat yang diamalkan oleh pengguna juga mempengaruhi keputusannya untuk membeli barangan yang lebih murah. Oleh itu, pengguna cenderung membeli barangan cetak rompak kerana harganya yang lebih murah, bukannya menyokong kegiatan cetak rompak berkenaan. Pengguna akan menyokong dan membeli barangan tulen sekiranya harganya diturunkan dan dijual pada kadar kemampuan mereka. Justeru itu, salah satu langkah bijak bagi mengatasi masalah cetak rompak adalah dengan menurunkan harga produk tulen.

BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-40436888/03-40437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-40454555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366
- Perlis** • Kangar : 04-9761478 **Kedah** • Alor Setar : 04-7339062 • Sg. Petani : 04-4205108 • Langkawi : 04-4213400 • Kulim : 04-4963700
- Pulau Pinang** • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-3317500 **Perak** • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967 • Grik : 05-7941000 • Manjong : 05-6871100 **Selangor** • Shah Alam : 03-55184102 • Kajang : 03-87381191 • K. Kubu Baru : 03-60642495 • Kuala Selangor : 03-32898559 • Sepang : 03-87065067 **Wilayah Persekutuan** • Kuala Lumpur : 03-40422355 • Labuan : 087-417669 **Negeri Sembilan** • Seremban : 06-7630911 • Kuala Pilah : 06-4821050 • Port Dickson : 06-6461501 **Melaka** • 06-2820422
- Johor** • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 • Batu Pahat : 07-4355478
- Segamat : 07-9333400 **Pahang** • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688 • Raub : 09-3551670 **Terengganu** • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 • Besut : 09-6902204 **Kelantan** • Kota Bharu : 09-7447187 • Kuala Krai : 09-9666368 **Sabah** • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 • Kudat : 088-615310 • Keningau : 087-3384001 • Lahad Datu : 089-886090 **Sarawak** • Kuching : 082-245202 • Sibu : 084-329202 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Sarikei : 084-654414
- Kapit : 084-797664 • Limbang : 085-217414

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bharu : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822 • Labuan : 087-408016

BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-259 073/259 075

BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA : 03-22742100

BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI : 03-22742100

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-40433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bharu : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

